

Firdaus
Azahari



Mantan Biro Akademik Dan Pembangunan Intelektual
Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2014/2015
Universiti Sains Islam Malaysia

Perpustakaan 'mini'

semarak budaya membaca

Jika kita menelusuri sejarah, kita akan mendapati bahawa para ilmuwan terdahulu amat meminati pelbagai bahan bacaan selain membudayakan amalan membaca.

Mereka sanggup menghabiskan masa mereka dengan menelaah dan mengkaji sesuatu ilmu. Hakikatnya, bahan bacaan seperti buku sentiasa di samping mereka sehinggakan terbawa ke bilik tidur mereka.

Ibnu Khaldun menyatakan bahawa buku adalah cermin ketamadunan. Ini jelas menunjukkan bahawa pembaca terdedah kepada sesuatu idea yang baharu dan tidak pernah diketahui ramai.

Tuntut ilmu

Semakin banyak membaca, semakin luas tahap pengetahuan mereka tentang ilmu yang dikaji. Ini merupakan satu kelebihan dalam konsep penerokaan ilmu.

Seharusnya mahasiswa dan buku diibaratkan sebagai isi dan kuku. Hal ini kerana tidak menjadi kerugian sekiranya membeli buku dan memilikinya, bahkan mampu menjadi teladan dan bimb-



Budaya membaca dapat membantu meningkatkan lagi tahap pengetahuan mahasiswa.

gan serta keuntungan dalam mengutip ilmu.

Pada dasarnya, ilmu tidak bersama kerehatan. Ini bermakna proses menuntut ilmu memerlukan pengorbanan masa, tenaga dan harta. Kebanyakan ilmuwan di dunia ini berjaya adalah kerana pengorbanan yang

mereka telah lakukan.

Contohnya, Ibnu Battuta yang sanggup belayar menjelajah ke pelusuk dunia hanya kerana untuk mendapatkan ilmu. Ini menunjukkan daya usaha dan kesungguhan Ibnu Battuta dalam menuntut ilmu.

Di dalam konteks mahasis-

wa, sudah pasti mahasiswa akan mengumpulkan pelbagai koleksi buku rujukan mengikut bidang masing-masing. Ini merupakan dorongan yang baik untuk membina perpustakaan 'mini' di rumah.

Mempunyai perpustakaan 'mini' di rumah adalah satu

idea yang sangat menarik bagi pencinta ilmu. Ini juga sebagai gambaran kedudukan seseorang yang sangat mencintai ilmu. Tidak hairanlah sekiranya para ilmuwan

dunia sebahagiannya mempunyai koleksi buku peribadi di satu ruang khusus di rumahnya.

Jadi inspirasi

Terpulang kepada kreativiti individu tersebut dalam menyediakan ruang khusus bagi meletakkan buku-buku tersebut. Secara tidak langsung, ini mampu mendorong serta menggalakkan ahli keluarga untuk membaca.

Bahkan, saudara-mara yang datang berkunjung juga berkongsi manfaat bersama. Bak kata pepatah, manusia yang baik adalah yang memberi manfaat pada yang lain.

Mahasiswa sepatutnya menjadikan kisah Todd Bol sebagai inspirasi dalam menyemai budaya membaca. Usaha Todd Bol membina sebuah perpustakaan mini di sebuah pekan kecil Wisconsin pada tahun 2009 ini, telah berjaya dikembangkan konsepnya di seluruh dunia seperti Pakistan dan Ukraine.

Usaha berterusan dalam memartabat ilmu perlu diteruskan generasi kini. Tambahan kini, segala maklumat berada di hujung jari maka seharusnya dimanfaatkan sebaiknya.

Masyarakat yang berjaya sentiasa mendampingi buku dalam membudayakan keilmuan demi membangun negara.

“
MAHASISWA
SEPATUTNYA
MENJADIKAN
KISAH TODD BOL
SEBAGAI INSPIRASI
DALAM MENYEMAI
BUDAYA MEMBACA.
USAHA TODD BOL
MEMBINA SEBUAH
PERPUSTAKAAN
MINI DI SEBUAH
PEKAN KECIL
WISCONSIN PADA
TAHUN 2009 INI,
TELAH BERJAYA
DIKEMBANGKAN”

Mahasiswa yang berminat untuk menghantar rencana, boleh e-mel ke bhvarsiti@bh.com.my